

PENGHURAIAN KERJA UMUM PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11, U14, U16, U18.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Kementerian Kesihatan Malaysia/pelbagai jabatan/agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab membantu melaksanakan tugas-tugas asas berkaitan penjagaan pesakit, penyediaan peralatan, mengambil dan merekod data pesakit dan tugas-tugas lain yang seumpamanya.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Tugas Am

- (a) Mengemas katil, menukar kain dan sarung bantal yang kotor.
- (b) Mengambil makanan dari dapur serta membantu memberi makanan kepada pesakit.
- (c) Menyampaikan makanan kepada pesakit yang tiada upaya.
- (d) Membersihkan mangkuk dan talam selepas pesakit makan.
- (e) Memberi dan membersihkan bekas-bekas najis yang digunakan oleh pesakit.
- (f) Menghantar bekas-bekas ubat dan memungut ubat-ubatan dari farmasi.
- (g) Mengutip contoh spesimen dan menghantar ke Makmal Kaji Penyakit (Makmal Patologi).
- (h) Mengiringi pesakit untuk rawatan/rujukan/siasatan seperti ke jabatan/unit kepakaran/pengimejan, fisioterapi dan lain-lain.
- (i) Menghantar mayat ke bilik/rumah mayat.
- (j) Membantu dalam memeriksa alat kelengkapan supaya berada dalam keadaan baik, selamat dan boleh digunakan.
- (k) Membersihkan alat kelengkapan perubatan yang telah digunakan.
- (l) Menjalankan tugas-tugas *despatch*.
- (m) Membantu tugas-tugas memeriksa inventori di stor ubat dan bukan ubat.
- (n) Membantu pesakit apabila diperlukan seperti mengiringi ke tandas dan sebagainya.

- (o) Memastikan keselamatan dan kebersihan wad/unit/jabatan tempat bertugas.
- (p) Melaksanakan tugas-tugas dalam pengendalian kematian (last office).
- (q) Membantu pegawai dalam prosedur pemeriksaan, ujian dan rawatan pesakit (menemani pesakit).

4.2 Tugas Khusus

- (a) Memberi orientasi kepada pesakit yang baru dimasukkan ke wad.
- (b) Mengambil dan merekod sukatan tinggi, berat badan, suhu badan, pernafasan dan nadi pesakit.
- (c) Memberikan rawatan pemakanan melalui tiub di bawah pengawasan pembantu perubatan/jururawat.
- (d) Melakukan *sponging* ke atas pesakit apabila diarah oleh Pembantu Perubatan/Jururawat.
- (e) Membuat prosedur ringan dalam penjagaan mulut.
- (f) Mencukur pada bahagian pesakit yang hendak dibedah.
- (g) Membantu dalam menyukat dan merekod *intake & output* pesakit.
- (h) Mengangkat dan mengubah kedudukan pesakit.
- (i) Membantu dalam penyediaan alat-alat perubatan seperti:
 - Memasang alat-alat pernafasan (ventilators).
 - Memasang alat *suction*.
 - Menukar tangki gas oksigen yang kosong.
- (j) Membantu tugas-tugas dalam keadaan kecemasan seperti:
 - Menyediakan keperluan dan peralatan intravena.
 - Mengepam ambu bag.
 - Memberi oksigen - *nasal* dan *mask*.
 - Melakukan *suction*.
 - Melakukan Kardiopulmonari Resussitasi Asas.
- (k) Membuat *dressing* yang mudah.
- (l) Mengambil contoh urin, najis dan kahak serta melabel dengan betul dan menghantar ke makmal.
- (m) Melakukan tugas asas pembersihan dan pembasmian - *concurrent* and *terminal infection* di mana perlu.
- (n) Mengemas dan membersihkan peralatan selepas setiap prosedur dan membuang sisa-sisa klinikal mengikut protokol.
- (o) Membantu dalam program pendidikan kesihatan pesakit.

5. HUBUNGAN KERJA

- (a) Rakan sekerja di jabatan/bahagian/unit/cawangan yang sama.
- (b) Pegawai atasan.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- (a) Berpakaian kemas dan bersesuaian dengan kerja.
- (b) Sopan dan berbudi bahasa.
- (c) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (d) Berkebolehan mengurus masa.
- (a) Berkebolehan membuat catatan dan merekod dengan berkesan.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Sabar.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Bekerjasama.
- (e) Kompeten dan teliti.
- (f) Fizikal yang sihat dan cergas.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

Terdedah kepada jangkitan penyakit semasa menguruskan pesakit.